



1047 PENERAPAN ELEMEN TADABBUR AL-QURAN DI KALANGAN PELAJAR MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SELANGOR (MITS)

ROHANA BINTI ZAKARIA
NOORHAFIZAH BINTI MOHD HARIDI
MARDHIAH YAHAYA
SHAHARUDDIN PANGILUN
(KUIS)
HAYATI BINTI HUSIN
(USIM)

ABSTRAK

Tadabbur al-Quran merupakan satu kewajipan yang digesa oleh Allah SWT kepada manusia agar segala tuntutan al-Quran dilaksanakan. Selaras dengan itu, umat Islam perlu berusaha untuk membaca, memahami dan menghayati secara menyeluruh isi kandungan al-Quran yang boleh sampai pada makna-makna tersirat daripada kalamullah dan peringatan yang mendalam dan terperinci. Bukan sekadar membaca dan menghafaz sahaja. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisa penerapan elemen tadabbur al-Quran terhadap pelajar tahfiz dalam proses menghafaz dan bertaammul bersama al-Quran. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif. Reka bentuk kajian kuantitatif melibatkan soal selidik responden bagi kajian ini adalah terdiri daripada jumlah keseluruhan responden kajian di tiga Maahad Institut Tahfiz di Selangor (MITS). Instrumen yang digunakan adalah berbentuk borang soal selidik ke atas pelajar dari aspek tilawah al-Quran dan kefahaman yang benar terhadap al-Quran. Kajian ini dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 23.0 bagi mendapatkan skor peratusan dan min. Hasil kajian mendapati bahawa penerapan elemen tadabbur dalam kalangan pelajar di Maahad Institut Tahfiz Selangor (MITS) secara keseluruhan adalah pada tahap sederhana tinggi (min=3.69). Didapati dua item yang menunjukkan min sederhana rendah iaitu pada item 'tidak memahami maksud cerita al-Quran kerana tidak menguasai bahasa Arab(min=2.77) dan juga pada item 'guru tidak menekankan tadabbur al-Quran ketika mengajar kelas hafazan (min=2.44). Justeru, bagi meningkatkan proses penerapan tadabbur di kalangan pelajar, semua pihak berwajib perlu mengambil perhatian sepenuhnya tentang pentingnya pelajar perlu didekah dengan penerapan elemen tadabbur agar isi kandungan al-Quran itu difahami, dihayati dan diamalkan ajarannya yang hakiki sehingga akhirnya dapat melahirkan hafiz dan hafizah yang cemerlang dunia dan akhirat.

Kata Kunci: *Tadabbur al-Quran, elemen tadabbur dan MITS*

PENDAHULUAN

Fenomena pada hari ini dapat lihat semakin banyak madarashah tahfiz al-Quran dan sekolah agama, baik di peringkat rendah mahupun menengah yang didirikan di setiap negeri di Malaysia. Ia sekali gus membawa kepada percambahan sekolah-sekolah aliran tahfiz dan qiraat di seluruh



pelusuk negara. Walaupun demikian, kita mendapati ada satu perkara yang diabaikan dalam pendidikan tersebut iaitu mentadabburkan al-Quran (Suhaimi 2012).

Sebahagian besar umat Islam seluruhnya termasuk di Malaysia mempunyai kefahaman yang keliru terhadap pembelajaran al-Quran kerana ia dianggap cukup setakat mengenal huruf dan boleh membacanya sahaja (Mohd Yusuf 2000). Kefahaman ini sangat mengelirukan dan melemahkan pegangan umat Islam terhadap al-Quran. Dengan kefahaman ini usaha mempelajari al-Quran hanyalah untuk mendapat kemahiran membacanya sahaja sehingga tamat. Al-Quran adalah petunjuk yang benar, cahaya dan peringatan bagi orang yang mengambil manfaat darinya. Untuk mencapai hasrat tersebut manusia perlu berusaha menyelami dan mentadabbur al-Quran melalui belajar membaca, menghafaz, memahami serta mengamalkannya.

Kefahaman al-Quran tidak menjadi fokus utama menyebabkan setelah tamat al-Quran, mereka tidak perlu belajar dengan lebih mendalam lagi ilmu-ilmu berkenaan al-Quran. Bahkan ada juga yang menjadikan al-Quran sekadar “kitab berkat”. Mereka membaca dan menghafaz al-Quran bertujuan mendapat berkat, tidak lebih daripada itu dengan membaca atau mengamalkan beberapa potong ayat al-Quran untuk tujuan tertentu. Tidak kurang juga mereka yang membaca al-Quran sekadar memerhatikan lagu bacaan semata-mata tanpa sebarang tadabbur atau penghayatan terhadap kandungan al-Quran al-Karim; kitab mukjizat.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Azmil et.al (2013) terhadap 11 buah institusi tahniz yang melaksanakan kurikulum tahniz Darul Quran JAKIM mendapati bahawa kaedah kefahaman ayat kurang diberi perhatian sama ada pelajar ataupun guru. Guru kurang memberi penekanan dan penjelasan terhadap kepentingan menghayati dan memahami ayat dalam menghafaz al-Quran. Oleh yang demikian, matlamat dan objektif pendidikan tahniz tidak akan tercapai sekiranya kaedah kefahaman ayat atau metode tadabbur tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Selain itu, aspek penerapan nilai dan elemen tadabbur berteraskan al-Quran juga kurang dititikberatkan dalam kurikulum tahniz al-Quran sebagaimana kajian Azmil (2010) yang mendapati kaedah menerangkan makna kalimah, menghuraikan maksud ayat, menerangkan *asbab nuzul* dan menghuraikan kefahaman ayat amat kurang diberi perhatian oleh pensyarah. Kenyataan ini disokong oleh Abu al-Wafa (1999) bahawa dengan mengetahui makna ayat yang dihafaz dan mengetahui *asbab nuzul* akan membantu pelajar dalam menghafaz dan meyakinkan ingatan. Dalam erti kata lain, kurikulum tahniz yang dilaksanakan lebih menfokuskan kepada kelancaran bacaan al-Quran berbanding meneroka kefahaman al-Quran dan penerapan nilai melalui ayat yang dibaca.

Oleh yang demikian, elemen-elemen kaedah pembelajaran tahniz perlu diberi perhatian khusus dalam merangka kurikulum pengajaran dan pembelajaran tahniz. Kajian yang dilaksanakan oleh Ahwani (1995), al-Syarbini (2004) dan Abu al-Fida' (2006) menyatakan bahawa kaedah kefahaman merupakan kaedah yang membantu dalam menghafaz dan mengukuhkan hafazan kerana dengan memahami maksud ayat dan makna kalimat pelajar akan dapat menumpukan perhatian terhadap ayat yang dihafaz semasa amalan *takrar* (proses



menghafal mesti melalui mendengar, melihat, membaca dan menulis ayat al-Quran-teori al-Qabisi 1955) dan seterusnya akan menambahkan kehpusukan dalam membaca ayat al-Quran.

Berasaskan senario tersebut, ia mendorong kajian khusus dilaksanakan terhadap tadabbur dalam kalangan pelajar tahniz di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) ini. Kajian ini bertujuan mengenalpasti penerapan elemen tadabbur al-Quran dan juga menganalisa pandangan pelajar terhadap elemen penerapan tadabbur yang diamalkan dalam proses menghafal dan bertaamul bersama al-Quran.

Pendidikan tahniz al-Quran berkembang begitu pesat di dalam negara disebabkan permintaan dan kesedaran daripada masyarakat terhadap kepentingan menghafaz al-Quran. Begitu juga perkembangan institusi tahniz di Selangor semakin berkembang dengan pesat. Sehingga kini, Kerajaan Negeri Selangor sendiri telah mewujudkan 4 buah institusi Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) iaitu di daerah Kuala Langat, Klang, Sabak Bernam dan Sepang. Manakala dianggarkan sebanyak 150 institusi tahniz persendirian yang telah ditubuhkan di Negeri Selangor. Namun hanya 87 institusi tahniz sahaja yang telah berdaftar dengan Persatuan Institusi Tahniz Al-Quran Selangor (PITAS).

Pengajian tahniz ini adalah sekolah yang menawarkan sejak tingkatan satu dan jumlah pelajar sehingga kini sudah mencapai 773 orang. Permohonan kemasukan ke Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) meningkat ekoran ramai ibu bapa menyedari kepentingan pendidikan Islam untuk anak mereka. Pembukaan maahad ini amat dinanti-nantikan oleh ibu bapa dan penduduk Selangor yang kini semakin gemar memilih institusi tahniz sebagai pilihan untuk anak-anak mereka. Permintaan yang tinggi terhadap sekolah menengah agama sebagai kesinambungan kepada pembelajaran agama di sekolah rendah dan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) membawa kepada pembukaan maahad tahniz ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif. Manakala jenis kajian merupakan kajian tinjauan(*survey*) yang menggunakan satu set soal selidik. Kajian tinjauan digunakan dalam kajian ini berdasarkan kepada kenyataan oleh Wiersma, yang berpendapat bahawa kajian kaedah tinjauan merupakan antara kaedah yang baik jika kajian tersebut merupakan satu kajian yang ingin mengukur atau menilai sikap, persepsi dan pencapaian (Wiersma 2000).

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan bertujuan untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan pelaksanaan dan keberkesanan program agama dalam kalangan pelatih di institusi. Dari segi instrumen, kajian ini menggunakan kaedah soal selidik dan temubual untuk mendapatkan hasil kajian. Instrumen soal selidik telah dibangunkan oleh penyelidik kemudian disahkan oleh pakar yang berautoriti dalam bidang yang dipilih. Bagi menjayakan kajian,



pengumpulan data telah dijalankan sebaik sahaja pra-uji borang soal selidik dilaksanakan sepenuhnya serta kebolehpercayaan dan kesahan borang kaji selidik disempurnakan.

Pemilihan responden yang digunakan bagi kajian ini adalah pelajar tingkatan lima aliran tahfiz di tiga mahad tahfiz di selangor iaitu Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) klang, Maahad Intgrasi Tahfiz Selangor (MITS) kuala langat, dan Maahad Intgrasi Tahfiz Selangor (MITS) Sabak Bernam. Pemilihan ini dilakukan kerana bilangan pelajar tingkatan lima aliran tahfiz yang telah tamat hafazan lebih tinggi berbanding pelajar tingkatan lain.

Kaedah penganalisan data secara deskriptif merupakan satu teknik penghuraian secara menyeluruh tentang kajian yang dijalankan. Teknik statistik yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah teknik statistik deskriptif. Statistik deskriptif ialah satu teknik untuk memperihalkan keadaan data yang terdapat pada sampel kajian. Statistik deskriptif menggunakan petunjuk-petunjuk seperti min, sisihan piawai, median, Mod, taburan normal dan skor Z untuk menyatakan ciri-ciri sesuatu variable (Chua Yan Piaw 2013). Namun dalam analisis kajian ini penyelidik akan menggunakan peratusan dan min untuk menginterpretasi data yang telah diperolehi.

Analisis bertujuan mengetahui penerapan elemen tadabbur al-Quran yang diamalkan dalam kalangan pelajar tahfiz di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor. Statistik diskriptif (kekerapan dan peratusan) digunakan untuk menjelaskan profil responden kajian. Statistik diskriptif (min) turut digunakan untuk menentukan tahap interpretasi pelajar terhadap penerapan elemen tadabbur . Seterusnya skor min penerapan elemen tadabbur al-Quran yang telah dirumuskan oleh Nunally telah digunakan. Bagi memudahkan perbincangan, skor-skor min dalam setiap dimensi tersebut telah disusun ikut urutan menurun dari skor min yang paling tinggi kepada skor yang paling rendah.

Jadual Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistik

Skor Min	Interpretasi
4.01 - 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.01 – 2.00	Rendah

Sumber : Nunally (1978)

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan analisis penerapan elemen atas *tadabbur* al-Quran dalam kalangan pelajar tingkatan lima di tiga buah Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS):



Penerapan elemen asas tadabbur	STS	TS	TP	S	SS	Min	Interpretasi
Pengertian Tadabbur al-Quran	0 0%	0 0%	2 1.9%	19 18.4%	82 79.6%	4.78	Tinggi
Amalan bacaan secara tartil mendorong kepada menghayati ayat yang dihafaz.	1 1.0%	5 4.9%	14 13.6%	49 47.6%	34 33.0%	4.07	Tinggi
Membaca tafsir membantu hafazan.	2 1.9%	1 1.0 %	8 7.8%	51 49.5%	41 39.8%	4.24	Tinggi
Merujuk guru tafsir membantu tadabbur al-Quran.	5 3%	19 2.6%	43 14.2%	20 33.9%	15 46.4%	4.14	Tinggi
Menghafaz dengan menepati tajwid serta intonasi yang betul memberi kesan kepada ketenangan hati dan minda.	1 1.0%	2 1.9%	13 12.6%	51 49.5%	36 35.0%	4.16	Tinggi
Menghafaz dengan alunan suara yang indah dan merdu dapat menghayati al-Quran sebaiknya.	2 1.9%	6 5.8%	10 9.7%	51 49.5%	34 33.0%	4.06	Tinggi
Merujuk sirah Nabi apabila menghafaz ayat yang berkaitan dengan sirah.	2 1.9%	9 8.7%	30 29.1%	43 41.7%	19 18.4	3.66	Sederhana Tinggi
Mencari asbab nuzul ayat dan pengajaran ayat yang dihafaz.	2 1.9%	6 5.8%	41 39.8%	39 37.9%	15 14.6%	3.57	Sederhana Tinggi
Mengamalkan tadarus untuk memperbetulkan hafazan.	2 1.9%	17 16.5%	27 26.2%	40 38.8%	17 16.5%	3.51	Sederhana Tinggi
tidak memahami maksud cerita al-Quran kerana tidak menguasai bahasa Arab.	16 15.5%	34 33.0%	18 17.5%	28 27.2%	7 6.8%	2.77	Sederhana Rendah



Kaedah pengulangan dalam hafazan ayat al-Quran membantu mentadabbur al-Quran.	1 1.0%	2 1.9%	21 20.4%	46 44.7%	33 32.0%	4.05	Tinggi
memulakan niat iltizam untuk menghayati al-Quran sebelum memulakan hafazan	1 1.0%	7 6.8%	27 26.2%	46 44.7%	22 21.4%	3.79	Sederhana Tinggi
Guru mengaitkan hafazan al-Quran dengan pemahaman dan penghayatan setiap kali mengajar.	4 3.9%	12 11.7%	26 25.2%	27 26.2%	34 33.0%	3.73	Sederhana Tinggi
Guru tidak menekankan tadabbur al-Quran ketika mengajar kelas hafazan.	20 19.4%	35 34.0%	34 33.0%	11 10.7%	3 2.9%	2.44	Sederhana Rendah
mampu menghuraikan kefahaman dan pengajaran ayat kepada kawan-kawan.	1 1.0%	10 9.7%	59 57.3%	29 28.2%	4 3.9%	3.24	Sederhana Tinggi
mengamalkan adab-adab ketika membaca al-Quran agar proses tadabbur berjalan dengan lancar.	1 1.0%	3 2.9%	23 22.3%	62 60.2%	14 13.6%	3.83	Sederhana Tinggi
Mengetahui dengan jelas bahawa menghafal al-Quran dapat melahirkan cinta kepada Allah.	1 1.0%	0 0%	5 4.9%	31 30.1%	66 64.1%	4.56	Tinggi
Yakin bahawa al-Quran merupakan komunikasi antara manusia dengan Allah.	1 1.0%	0 0%	5 4.9%	28 27.2%	69 67.0%	4.59	Tinggi
Mengamalkan apa yang diajarkan al-Quran setelah memahami ayat yang dihafaz.	1 1.0%	4 3.9%	54 52.4%	36 35.0%	8 7.8%	3.45	Sederhana Tinggi
Berazam dan berusaha melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan segala laranganNya setelah tadabbur al-Quran.	1 1.0%	0 0%	9 8.7%	41 39.8%	52 50.5%	4.39	Tinggi



Min keseluruhan						3.69	Sederhana Tinggi
------------------------	--	--	--	--	--	-------------	-------------------------

Jadual 1

Dapatkan menunjukkan bahawa sepuluh item mencatatkan intepretasi min pada tahap tinggi, lapan item mencatatkan intepretasi min pada tahap sederhana tinggi dan dua item masing-masing mencatatkan intepretasi min pada tahap sederhana rendah. Maka jumlah keseluruhan item adalah 20 item.

Terdapat dua item negatif yang mendapat min pada tahap interpretasi sederhana rendah iaitu pada item tidak memahami maksud cerita al-Quran kerana tidak menguasai bahasa Arab ($\text{min}=2.77$). Ini menunjukkan pelajar tidak memahami maksud cerita al-Quran bukan kerana tidak menguasai bahasa Arab. Manakala item guru mengaitkan hafazan al-Quran dengan pemahaman dan penghayatan setiap kali mengajar ($\text{min}=2.44$).

Terdapat lapan item yang mendapat min pada tahap interpretasi sederhana rendah iaitu merujuk sirah Nabi apabila menghafaz ayat yang berkaitan dengan sirah ($\text{min}=3.66$). Seterusnya ítem Saya akan mencari asbab nuzul ayat dan pengajaran ayat yang dihafaz ($\text{min}=3.57$). Manakala bagi item Saya mengamalkan tadarus untuk memperbetulkan hafazan saya ($\text{min}=3.51$). Manakala ítem Sebelum memulakan hafazan memulakan niat iltizam untuk menghayati al-Quran ($\text{min}=3.79$). Item Guru mengaitkan hafazan al-Quran dengan pemahaman dan penghayatan setiap kali mengajar ($\text{min}=3.73$). Item Saya mampu menghuraikan kefahaman dan pengajaran ayat kepada kawan-kawan ($\text{min}=3.24$). Item Saya mengamalkan adab-adab ketika membaca al-Quran agar proses tadabbur berjalan dengan lancar ($\text{min}=3.83$). Manakala yang terakhir min pada tahap interpretasi sederhana rendah adalah mengamalkan apa yang diajarkan al-Quran setelah memahami ayat yang dihafaz ($\text{min}=3.45$). Ini menunjukkan pelajar memahami ayat yang dihafaz diiringi dengan amalan apa yang diajarkan al-Quran.

Seterusnya terdapat sepuluh item yang mendapat min pada tahap interpretasi tinggi iaitu Item tadabbur al-Quran adalah memikir dan merenung ayat-ayat al-Quran agar difahami makna, hikmah dan ibrah ayat tersebut serta mengamalkannya mendapat ($\text{min}=4.78$). Manakala bagi item mengamalkan bacaan secara tartil agar dapat menghayati ayat yang dihafaz mendapat ($\text{min}=4.07$). Item Saya membaca tafsir untuk membantu hafazan mendapat ($\text{min}=4.24$), item merujuk guru tafsir untuk meminta penjelasan bagi membantu tadabbur al-Quran mendapat ($\text{min}=4.14$), item hafaz menepati tajwid serta intonasi yang betul agar memberi kesan kepada ketenangan hati dan minda mendapat ($\text{min}=4.16$). Item berusaha menghafaz dengan alunan suara yang indah dan merdu agar dapat menghayati al-Quran sebaiknya mendapat ($\text{min}=4.06$).

Bagi item kaedah pengulangan dalam hafazan ayat al-Quran membantu dalam proses mentadabbur al-Quran ($\text{min}=4.05$), item mengetahui dengan jelas bahawa menghafal al-Quran



dapat melahirkan cinta kepada Allah mendapat (min 4.56). Seterusnya item yakin bahawa al-Quran merupakan komunikasi antara manusia dengan Allah mendapat (min=4.59), ítem berazam dan berusaha melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan segala laranganNya setelah tadabbur al-Quran mendapat (min=4.39).

Min keseluruhan penerapan elemen *tadabbur* menurut pandangan pelajar ialah (min=3.69) dan berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan penerapan elemen *tadabbur* menurut pandangan pelajar dalam tahap yang baik.

PERBINCANGAN

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelajar memahami makna tadabbur serta kepentingan tadabbur al-Quran pada mereka yang sedang melalui proses menghafal al-Quran. Hal ini menjadikan mereka berusaha mengamalkan bacaan secara tartil agar dapat menghayati ayat yang dihafaz. Bukan itu sahaja, mereka juga membaca tafsir untuk membantu hafazan. Selain mendapatkan bantuan dengan merujuk guru tafsir untuk meminta penjelasan bagi membantu tadabbur al-Quran agar diberi kefahaman yang tepat dan betul tentang ayat al-Quran yang dibaca dan dihafaz, kaedah menghafaz yang menepati tajwid serta intonasi yang betul serta berusaha menghafaz dengan alunan suara yang indah dan merdu juga diterapkan agar dapat menghayati al-Quran sebaiknya.

Oleh itu, suruhan membaca al-Quran dengan tartil bukan setakat bacaan sahaja, tetapi merangkumi dengan pemahaman. Inilah yang disebut oleh Imam Ibn Hajar al-'Asqalani r.a katanya: 'Bab tartil dalam bacaan iaitu kejelasan huruf-hurufnya dan kecermatan dalam melakukannya agar ia lebih membawa kepada faham maknanya (al-'Asqalani 1996: Jil 10,109).

Penerapan elemen-elemen ini memainkan peranan yang penting agar dapat memberi kesan kepada ketenangan hati dan minda mereka ketika menghafaz. Ini kerana akal dan hati yang jernih memainkan peranan penting untuk merasai keindahan ayat-ayat suci dan pengaruhnya dalam jiwa, serta kehidupan manusia. Hati yang diberi peluang untuk meneliti dan merenung pengajaran dan ibrah yang disampaikan melalui ayat-ayat suci al-Quran pasti akan meninggalkan kesan dan impak yang positif terhadap diri dan spiritual pembaca al-Quran (Rohana et.al 2017).

Dapatkan kajian juga mendapati bahawa pelajar menggunakan kaedah pengulangan ayat al-Quran dalam hafazan. Dalam masa yang sama cara ini lebih membantu mereka mentadabbur al-Quran. Apabila memberi tumpuan sepenuhnya dengan kesungguhan yang jitu terhadap bacaan dan ulangan al-Quran, maka ia akan menghasilkan natijah bacaan yang berkesan sebenarnya. Ini bertepatan dengan kata-kata Sayyidina Ali bin Abi Talib: "Tiada kebaikan dalam ibadah bagi yang tidak memahaminya,dan tiada kebaikan dalam membaca al-Quran yang tidak tadabbur padanya" (Riwayat al-Darimi jil 1,hlm.101)



Maka secara tidak langsung mereka tahu dengan jelas bahawa menghafaz al-Quran dapat melahirkan cinta kepada Allah. Seterusnya kesan daripada amalan tersebut akan melahirkan keyakinan dalam diri mereka bahawa al-Quran merupakan komunikasi antara manusia dengan Allah. Ini bertepatan dengan kajian (Rohana Zakaria et.al 2017) bahawa implikasi tadabbur al-Quran akan membentuk jiwa manusia untuk yakin dan beriman sepenuhnya kepada kalam Allah. Maka hasilnya akan menumbuhkan keazaman dalam diri pelajar untuk berusaha melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Selain itu kajian juga mendapati bahawa pelajar mengamalkan penerapan elemen tadabbur dengan merujuk sirah Nabi apabila menghafaz ayat yang berkaitan dengan sirah, mencari asbab nuzul ayat dan pengajaran ayat yang dihafaz juga membantu dalam mentadabbur al-Quran ketika menghafaz. Bagi memahami al-Quran secara realiti pelajar perlu mempelajari dan memahami sirah dan sejarah Baginda SAW dari segenap segi. Allah menceritakan kepada manusia di dalam al-Quran peristiwa-peristiwa sejarah agar manusia mengambil iktibar daripadanya (Rohana Zakaria, Shaharuddin Pangilun dan Shaharuddin Saad 2018). Pelajar juga berpendapat bahawa mengamalkan tadarus untuk memperbetulkan hafazan membantu mereka kepada tadabbur. Seterusnya mereka mampu menghuraikan kefahaman dan pengajaran ayat kepada kawan-kawan. Dengan cara ini menunjukkan mereka rasa seronok menghafaz sambil mentadabbur al-Quran.

Oleh itu adalah penting bagi mereka memulakan niat iltizam untuk menghayati al-Quran sebelum memulakan hafazan. Begitu juga peranan guru dalam mengaitkan hafazan al-Quran dengan pemahaman dan penghayatan setiap kali mengajar. Ini mennatijahkan pelajar yang mampu menghuraikan kefahaman dan pengajaran ayat kepada kawan-kawan. Hasil dan kesan tadabbur ini melahirkan pelajar yang mengamalkan adab-adab ketika membaca al-Quran agar proses tadabbur berjalan dengan lancar dan seterusnya mengamalkan apa yang diajarkan al-Quran. Oleh itu daripada proses inilah akan melahirkan seorang penghafaz al-Quran yang bersifat rabbaniyah.

Dapatkan kajian juga mendapati bahawa pelajar berpendapat bahawa penerapan elemen tadabbur dengan menguasai bahasa Arab untuk memahami maksud cerita al-Quran dan peranan guru dalam menekankan tadabbur al-Quran ketika mengajar kelas hafazan al-Quran adalah sangat penting dalam membantu mereka mentadabbur al-Quran. Maka ini terbukti bahawa menguasai bahasa arab adalah suatu kelebihan sebenarnya dalam mentadabbur isi kandungan al-Quran. Kerana hanya bahasa arab sahaja yang mampu memberi kefahaman tepat dan penghayatan yang sebenar tentang ayat-ayatnya (Rohana Zakaria, Shaharuddin Pangilun dan Shaharuddin Saad 2018).

Ironinya, penerapan elemen tadabbur menurut pandangan pelajar sangat baik hasil dari inteprestasi tahap min sederhana tinggi. Jelas mendapati pelajar sangat mengambil berat tentang tadabbur al-Quran. Malah mereka juga sangat menghayati isi kandungan al-Quran yang mereka telah hafaz. Penghayatan al-Quran melalui usaha penerapan elemen *tadabbur* dengan penyertaan lidah, hati dan akal akan memberi implikasi dalam meningkatkan spiritual pembaca al-Quran



serta membawa hasil ketenangan dan kesejahteraan dalam hidup. Maka hasilnya akan melahirkan seseorang huffaz akan mencapai tahap kesempurnaan dari sudut tindak tanduk dan amalan seharian (Rohana Zakaria et.al 2017)

KESIMPULAN

Justeru, mentadabbur al-Quran merupakan proses yang amat penting dan perlu diperkasa di setiap institusi tahfiz. Sehubungan dengan itu, paradigma pendidikan dalam al-Quran juga tidak lepas dari tujuan Allah menciptakan manusia itu sendiri iaitu penyerahan diri secara ikhlas kepada Pencipta yang terarah kepada tercapainya kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat sebagaimana firman Allah (al-Zariyyat 51: 56) yang bermaksud “ Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.” Ternyata Untuk mendalami isi kandungan ayat al-Quran tidak lain dan tidak bukan melalui tadabbur.

Oleh demikian, disiplin dan motivasi yang tinggi di kalangan para pelajar dan tenaga pengajar juga menjadi salah satu tunjang dalam merealisasikan budaya tadabbur yang diterapkan agar dapat melahirkan hafiz dan hafizah yang cemerlang dunia dan akhirat. Selain itu, bagi meningkatkan penerapan elemen tadabbur al-Quran di kalangan pelajar, semua pihak berwajib perlu mengambil perhatian sepenuhnya tentang pentingnya pelajar perlu didekah dengan proses penerapan tadabbur agar isi kandungan al-Quran itu difahami,dihayati dan diamalkan ajarannya. Seterusnya dapat melahirnya generasi al-Quran yang dapat menjadi contoh dan teladan buat semua umat di dunia.

RUJUKAN

Abu al-Fida', M.I. (2006)Kaifa Nahfazul Quran . Kaherah: Darul Salam.

Abu al-Wafa , A.A.(1999) An-Nur al-Mubin Litahfiz al-Quran al-Karim. Kaherah: Darul Wafa' .

Al-Ahwani, A.F (1983).al-Qabisi, A.M, & Sahnun, M.A (1995).Ar-Risala al-Mufassila li- ahwal al-Muta'allim wa ahkam al-mu'allim wa al-Muta'allim adab al-Muallimin. Al-Qahera. Dar Ihya al-Kitub al-Arabiya.

Al-Darimi Abu Muhammad Abdullah 2007.*Sunan al-Darimi*. Tahqiq Dr Mustafa Deib al-Bugha. Dar al-Mustafa Damsyiq.



Azmil Hashim 2010. *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri*. Tesis Dr. Fal Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azmil Hashim, Abdul Halim Tamuri dan Misnan Jemali 2013: *Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz al-Quran Di Malaysia*.

Chua Yan Piaw 2013, *Asas Statistik Penyelidikan, Buku 2* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill), 3.

Ibn Hajar al-'Asqalani 1996. *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Dar al-Fikr Beirut Lebanon

Mohd Yusuf Ahmad 2000: *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Rohana Zakaria, Shaharuddin Pangilun, Shaharuddin Saad 2018 *Elemen Tadabbur al-Quran dalam Kursus I'adah Hifz al-Quran Pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS*, E prosiding 4th International Conference On Islamiyyat Studies 2018

Rohana Zakaria, Fatin Nazmin Mansor dan Khairul Anuar Mohamad, 2017 *Tadabbur Al-Quran: Implikasinya Dalam Meningkatkan Spiritual Pembaca Al-Quran* Jurnal Qiraat Tahun Pertama Bil 1 Muharram 1439 (Oktober 2017) ISSN 2600-7657 .

Suhaimi Kassim, 2012, *At-Tibyan Menerangkan Qaedah dan Disiplin Tadabbur al-Quran*. Baitul Quran Seremban Negeri Sembilan and al-Azhar Media Enterprise.

Wiersma, W, *Reasearch Methods In Education: An Introduction* (7 Edition), (Boston:Allyn&Bacon, 2000), 284.